



**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
USAHAWAN DAN KOPERASI**
Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives

KENYATAAN MEDIA MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

SEMPENA PROGRAM SEMINAR PEMANTAPAN DAN PENGUKUHAN KOPERASI NEGERI SABAH

KOTA KINABALU, 21 September 2020 – Seminar Pemantapan Dan Pengukuhan Koperasi Peringkat Negeri Sabah yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dengan kerjasama Institut Koperasi Malaysia (IKM) pada hari ini telah berjaya mengumpulkan seramai 150 orang peserta yang terdiri daripada barisan anggota lembaga koperasi, pengurusan dan anggota koperasi daripada seluruh negeri Sabah. Seminar ini diadakan dengan tujuan untuk membantu gerakan koperasi di negeri Sabah khususnya untuk memantap dan mengukuhkan penglibatan mereka dalam sektor ekonomi pasca Covid-19.

Hasil kaji selidik dalam tempoh PKPP oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang telah dilaksanakan antara 15 Julai hingga 17 Ogos 2020 menunjukkan masih terdapat sebanyak 16.67% koperasi terpaksa menutup operasi perniagaan atau gulung tikar berikutan tidak lagi mampu bertahan dalam ketidakpastian suasana ekonomi pada masa ini. Hasil kaji selidik tersebut juga mendapati tahap kesediaan masih rendah di kalangan usahawan mikro dan koperasi dalam mengadaptasi teknologi dan digitalisasi di dalam perniagaan masing-masing. Faktor utama kegagalan mengadaptasi digitalisasi ini adalah; tidak cukup modal, kurang pengetahuan dalam teknologi bersesuaian bagi operasi perniagaan dan produk serta perkhidmatan disediakan oleh perniagaan masing-masing tidak bersesuaian.

MEDAC berpandangan bahawa pengukuran kejayaan model perniagaan koperasi perlu diperincikan secara holistik memandangkan koperasi dilihat sebagai elemen pemacu

kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif dan telah berjaya membantu Kerajaan menangani kos sara hidup rakyat. Selain itu, gerakan koperasi perlu berani mengambil peluang dan cabaran lebih besar dalam perniagaan, menceburi platform e-dagang dengan skala lebih luas bagi memperkenalkan produk-produk dan perkhidmatan baharu di era sistem ekonomi pasca Covid-19.

SKM bertanggungjawab dalam mengukuh prestasi dan produktiviti sektor koperasi selaras dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) yang menyasarkan sumbangan perolehan koperasi sebanyak RM100 bilion menjelang tahun 2030. Justeru, sektor koperasi perlu mendokong usaha Kementerian dalam menjadi instrumen utama untuk melonjakkan keusahawanan dalam kalangan B40 dan seterusnya membantu membasmi kemiskinan dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar.

MEDAC juga memandang serius pelaksanaan awal rejuvenasi dalam koperasi bagi memastikan golongan belia mempunyai minat meneruskan legasi koperasi di masa hadapan. Penglibatan golongan belia dalam gerakan koperasi tidak boleh diketepikan sama sekali kerana semangat dan minat berkoperasi perlu dipupuk dari usia muda.

Bagi memastikan gerakan koperasi kekal relevan dan kompetitif di arena keusahawanan, Kementerian menerusi agensi-agensi di bawahnya iaitu SKM dan IKM sedang mengambil langkah-langkah inisiatif seperti pindaan Akta Koperasi 1993 (Akta 502), melancarkan Pelan Tindakan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) dan jalinan kerjasama strategik dengan Kementerian/Agensi lain seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan Tinggi untuk meluaskan platform penglibatan koperasi di dalam pelbagai sektor ekonomi.

Sehingga 31 Disember 2019 gerakan koperasi di Sabah mempunyai bilangan koperasi sebanyak 1,599 buah dengan keanggotaan seramai 276,524 orang, jumlah syer/yuran RM206.97 juta, jumlah aset RM903.31 juta dan jumlah perolehan RM372.46 juta. Berdasarkan data ini jelas menunjukkan **gerakan koperasi di Sabah mempunyai kapasiti yang mencukupi dalam mencari peluang menguasai pasaran perniagaan terutamanya dalam bidang pelancongan.**

MEDAC sentiasa memastikan usaha-usaha membangunkan gerakan koperasi sebagai agenda utama Kementerian yang mana selaras dengan objektif DKN 2030 iaitu, “mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik dan kondusif bagi menyokong agenda pembangunan sosioekonomi Malaysia yang inklusif, seimbang dan mapan”.

DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI TUANKU JAAFAR
MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI